

Pekeliling No 386/2024

4 Mata CPD (Hari Pertama)
2 Mata CPD (Hari Kedua)



Bertarikh 18 November 2024

Kod CPD:
T3/11012025/BC/SLG241460/4 (Hari Pertama)
T3/12012025/BC/SLG241461/2 (Hari Kedua)

PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

11 DAN 12 JANUARI 2025 (SABTU DAN AHAD)

FAKULTI UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: 29 NOVEMBER 2024

SILA IMBAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN
DAN PERATURAN PERTANDINGAN



HADIAH PERTANDINGAN

JOHAN: **RM3,000.00 X 1 KUMPULAN**
NAIB JOHAN: **RM2,000.00 X 1 KUMPULAN**
MARA AKHIR 1: **RM1,000.00 X 1 KUMPULAN**
MARA AKHIR 2: **RM1,000.00 X 1 KUMPULAN**

UNTUK PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:
G Shagela Nair (shegi@malaysianbar.org.my)
Norazila Ismail (norazila@malaysianbar.org.my)

PERATURAN

PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

11 DAN 12 JANUARI 2025



ANJURAN

BADAN PEGUAM MALAYSIA.
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA.
FAKULTI UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM.

2025

Peraturan	Kandungan	Muka surat
1	Pendahuluan	3
2	Definisi	3
3	Kelayakan penyertaan	4
4	Bahasa	4
5	Keahlian dan kelayakan peserta	4
6	Bantuan	5
7	Soalan	6
8	Pertandingan	6
9	Penghakiman pertandingan	6
10	Kelayakan hakim	7
11	Kerahsiaan pasukan	7
12	Penghujahan	7
13	Struktur pertandingan dan pemarkahan	11
14	Penalti	14
15	Tafsiran peraturan	16
16	Jadual A	17
17	Jadual B	18

PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

1. Pendahuluan

Peraturan ini disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur (seperti yang didefinisikan) sebagai panduan dalam pelaksanaan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2025.

2. Definisi

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, terma-terma di dalam peraturan ini mempunyai definisi-definisi seperti berikut:

“Hujahan Lisan”	bermaksud hujahan lisan seperti yang diperincikan di dalam Peraturan 12;
“IPTA”	bermaksud Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia;
“IPTS”	bermaksud Institut Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia;
“Jawatankuasa Format dan Struktur Pertandingan”	bermaksud jawatankuasa yang dilantik oleh pengerusi Jawatankuasa Penganjur dan bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaraskan perkara-perkara berkaitan peraturan, format dan struktur Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2025;
“Jawatankuasa Pelaksana”	bermaksud IPTA / IPTS yang bertanggungjawab Melaksanakan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2025;
“Jawatankuasa Penganjur”	bermaksud jawatankuasa yang menganjurkan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan pada tahun semasa;

“Kategori A”	bermaksud kategori peserta seperti yang diperincikan di dalam Peraturan 3.1;
“Kategori B”	bermaksud kategori peserta seperti yang diperincikan di dalam Peraturan 3.1;
“BPM”	bermaksud Badan Peguam Malaysia; dan
“Peraturan”	bermaksud Peraturan Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan 2025 ini; dan
“PPMPK”	bermaksud Pertandingan Penghujahan Peringkat Kebangsaan.

3. Kelayakan penyertaan

3.1 Terdapat dua kategori penyertaan:

(a) Kategori A:

Semua pelajar IPTA / IPTS yang mengikuti program Sarjana Muda dalam bidang undang-undang dan/atau Diploma undang-undang dan/atau yang setaraf dengannya adalah layak untuk menyertai pertandingan ini.

(b) Kategori B:

Semua pelatih dalam kamar dan peguam muda adalah layak untuk menyertai pertandingan ini, tertakluk kepada Peraturan 5.1.

3.2 Cara penyertaan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur.

4. Bahasa

Hanya Bahasa Melayu akan digunakan dalam pertandingan ini.

5. Keahlian dan kelayakan peserta

5.1 Setiap pasukan mestilah dianggotai oleh tiga orang peserta yang terdiri daripada:

(a) **Kategori A:**

- (i) pelajar yang sedang mengambil kursus Sarjana Muda di mana-mana IPTA / IPTS dalam bidang undang-undang; atau
- (ii) pelajar yang sedang mengambil kursus Diploma di mana-mana IPTA / IPTS dalam bidang undang-undang; dan
- (iii) merupakan pelajar sepenuh masa pada tarikh pendaftaran.
- (iv) Terhadap kepada enam belas (16) buah pasukan yang mendaftar awal, dan setiap institusi dihadkan menghantar maksimum dua (2) pasukan sahaja.

(b) **Kategori B:**

- (i) pelatih dalam kamar; atau
- (ii) peguam yang mempunyai maksimum tiga (3) tahun pengalaman.
- (iii) Terhadap kepada sepuluh (10) buah pasukan yang mendaftar awal, dan setiap jawatankuasa badan peguam negeri dihadkan menghantar dua (2) pasukan sahaja.

5.2 Nama-nama setiap ahli pasukan mestilah diserahkan kepada Jawatankuasa Penganjur melalui pautan *Google Form* iaitu borang penyertaan yang telah ditetapkan sebelum tarikh tutup penyertaan seperti yang terkandung di Jadual A.

5.3 Bayaran untuk menyertai pertandingan ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00) dan setiap pasukan hendaklah menyelesaikan bayaran pendaftaran sebelum tarikh tutup penyertaan.

5.4 Kos pendaftaran yang telah ditetapkan seperti dalam Peraturan 5.3 hendaklah dibayar ke akaun :

Nama Bank : Hong Leong Bank
Akaun : Malaysian Bar
No. Akaun : 00200760645

5.5 Bukti pembayaran seperti dalam Peraturan 5.4 hendaklah dikemukakan dan dilampirkan bersama ketika pendaftaran seperti yang terkandung dalam Peraturan 5.2.

5.6 Setiap pasukan akan diberikan nombor pendaftaran dan identiti pasukan tidak akan didedahkan.

6. Bantuan

Pasukan-pasukan tidak dibenarkan untuk menerima bantuan luar dalam persediaan atau penghujahan kes-kes selain daripada pertolongan umum berkenaan isu-isu yang terlibat

dan sumber-sumber kajian. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan penyingkiran atau dikenakan penalti ke atas pasukan tersebut seperti yang terkandung di bawah Peraturan 14.3.

7. Soalan

- 7.1 Soalan akan disediakan oleh BPM berkaitan dengan isu-isu semasa perundangan.
- 7.2 Soalan akan diberikan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur dan soalan yang sama akan digunakan sepanjang pertandingan ini.
- 7.3 Sebarang pertanyaan berkaitan soalan mestilah diajukan kepada Jawatankuasa Penganjur selewat-lewatnya pada tarikh yang ditentukan dan penjelasan akan dihantar kepada setiap pasukan yang bertanding seperti yang telah ditetapkan dalam Jadual A.

8. Pertandingan

- 8.1 Setiap pasukan perlu berhujah sebagai Perayu dan Responden.
- 8.2 Struktur pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Format dan Struktur Pertandingan.
- 8.4 Markah-markah yang diperoleh pada setiap pusingan akan diumumkan setelah pusingan itu selesai.
- 8.5 Perincian pengiraan markah bagi penentuan pemenang adalah di bawah peraturan 13.

9. Penghakiman pertandingan

- 9.1 Setiap pusingan akan diadili oleh panel-panel hakim yang dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 9.2 Setiap pusingan akan diadili oleh panel yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang hakim, dan salah seorang daripada mereka akan dilantik sebagai ketua hakim bagi pusingan tersebut.
- 9.3 Setiap hakim bertanggungjawab melengkapkan borang markah individu untuk setiap peserta.

10. Kelayakan hakim

- 10.1** Jawatankuasa Penganjur berhak menentukan individu yang layak untuk menjadi hakim dalam pertandingan ini.
- 10.2** Pelajar tidak dibenarkan menjadi hakim. Pelajar pasca-siswazah dibenarkan untuk menjadi hakim sekiranya mereka tidak terlibat secara langsung dengan mana-mana pasukan yang bertanding pada pusingan tersebut.
- 10.3** Hakim-hakim yang dilantik bagi satu-satu pusingan bukan dalam kalangan mereka yang bekerja di IPTA / IPTS atau peguam yang beramal di bawah jawatankuasa badan peguam negeri yang bertanding pada pusingan tersebut.
- 10.4** Jurulatih dan Jawatankuasa Pelaksana tidak dibenarkan menjadi hakim kecuali pasukan mereka telah tersingkir dari pertandingan ini.
- 10.5** Hakim-hakim mahkamah sivil dan peguam-peguam yang berkerja dengan IPTA / IPTS yang bertanding sama ada secara persendirian atau profesional tidak dibenarkan untuk menghakimi mana-mana pusingan yang melibatkan pasukan dari institusi tersebut. Jawatankuasa Penganjur mempunyai budi bicara untuk menerima hakim yang berkerja untuk institusi yang bertanding jika tidak menjejaskan keadilan dan kewajaran. Jika terdapat pasukan ingin membantah penglibatan hakim dalam sesebuah pusingan, mereka perlu memaklumkan kepada Jawatankuasa Penganjur selewat-lewatnya 30 minit sebelum taklimat hakim dijalankan.

11. Kerahsiaan pasukan

Pasukan-pasukan adalah dilarang mendedahkan secara sengaja ataupun tidak, institusi yang mereka wakili kepada hakim-hakim sepanjang pertandingan. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh dikenakan penalti ke atas pasukan tersebut seperti yang terkandung di bawah Peraturan 14.3.

12. Penghujahan

12.1 Peraturan umum

12.1.1 Ahli pasukan

Dalam setiap pusingan, pasukan yang diwakili dua (2) orang peserta akan diperuntukkan masa selama 46 minit untuk berhujah. Pembahagian masa adalah seperti berikut:

- (a) Hujahan Perayu – sepuluh (10) minit setiap seorang.
- (b) Hujahan Responden – sepuluh (10) minit setiap seorang; dan
- (c) Hujahan balas dan penggulungan– tiga (3) minit setiap pasukan.

Hakim mempunyai budi bicara untuk memberi tambahan masa jika peserta dikehendaki untuk menjelaskan hujah mereka.

12.1.2 Peserta tambahan

Dalam setiap pusingan, ahli pasukan ketiga dibenarkan duduk bersama pasukannya di meja kaunsel dengan syarat individu tersebut telah didaftarkan sebagai peserta. Ahli pasukan yang berhujah tidak semestinya individu yang sama pada setiap pusingan.

12.1.3 Pakaian semasa PPMPK

Ahli pasukan hendaklah mematuhi etika pemakaian sepanjang PPMPK berlangsung seperti berikut:

Kategori A	
Lelaki	<ul style="list-style-type: none"> • Kemeja berlengan panjang berwarna putih dan bertali leher. • Seluar panjang berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap. Jalur-jalur dibenarkan. • Jaket berwarna hitam. • Stoking berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap. • Kasut berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap. • Pemakaian mengikut etika pemakaian Mahkamah Tinggi (mahkamah terbuka) adalah dibenarkan kepada pasukan yang berjaya ke pusingan separuh akhir dan akhir.
Perempuan	<ul style="list-style-type: none"> • Blaus lengan panjang berwarna putih. • Skirt berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap dan labuhnya di bawah lutut. Jalur-jalur dibenarkan. • Seluar panjang berwarna gelap. • Pakaian tradisional yang tidak berwarna garang dan tidak menjolok mata. • Jaket berwarna hitam. • Hanya sarung kaki nilon berwarna kulit sahaja

	<p>yang dibenarkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap. • Tudung kepala berwarna hitam / biru kelasi / kelabu gelap. Corak bunga yang tidak keterlaluan atau corak bercap dibenarkan. • Pemakaian mengikut etika pemakaian Mahkamah Tinggi (mahkamah terbuka) adalah dibenarkan kepada pasukan yang berjaya ke pusingan separuh akhir dan akhir.
Kategori B	
Etika pemakaian Mahkamah Tinggi (mahkamah terbuka).	

12.2 Giliran penghujahan

12.2.1 Giliran untuk berhujah di dalam setiap pusingan adalah seperti berikut:

- i. Perayu pertama;
- ii. Perayu kedua;
- iii. Responden pertama;
- iv. Responden kedua;
- v. Hujahan balas dan penggulangan Perayu; dan
- vi. Hujahan balas dan penggulangan Responden.

12.2.2 Hanya seorang daripada ahli pasukan yang berhujah boleh membuat hujahan balas dan penggulangan.

12.2.3 Skop hujahan balas Perayu adalah terbatas kepada hujahan Responden dan sebaliknya.

12.3 Kegagalan menghadiri sesi penghujahan

Jika mana-mana pasukan gagal hadir atau lewat hadir lebih 15 minit daripada sesi penghujahan yang telah dijadualkan, maka Jawatankuasa Penganjur berhak membenarkan sesi penghujahan tersebut dijalankan secara *ex parte*. Dalam situasi tersebut:

- (a) pasukan yang gagal hadir akan kehilangan keseluruhan markah pasukan bagi pusingan tersebut; atau
- (b) pasukan yang lewat hadir lebih 10 minit daripada waktu yang dijadualkan akan dikenakan penalti 20 markah dari markah keseluruhan pasukan bagi pusingan tersebut.

12.4 Komunikasi ketika pertandingan

Hanya komunikasi yang disenaraikan di bawah sahaja yang dibenarkan ketika sesi penghujahan. Sebarang bentuk komunikasi bertulis kepada mana-mana hakim semasa sesi penghujahan sedang berjalan adalah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan penalti ke atas pasukan tersebut seperti yang terkandung di bawah Peraturan 14.3.

(a) Komunikasi antara peserta dengan hakim ketika pusingan pertandingan berlangsung.

Peserta boleh berkomunikasi dengan hakim dan hakim juga boleh berkomunikasi dengan peserta secara lisan ketika masa yang diperuntukkan untuk setiap peserta berhujah.

(b) Komunikasi dan aktiviti di meja kaunsel ketika pusingan pertandingan

Komunikasi secara lisan di meja kaunsel ketika pertandingan berlangsung adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan sebarang gangguan seperti bising atau apa-apa kelakuan yang tidak sepatutnya. Walau bagaimanapun komunikasi secara bertulis di meja kaunsel adalah dibenarkan.

(c) Komunikasi yang tidak sesuai ketika pusingan pertandingan

Ahli pasukan yang berada di meja kaunsel tidak dibenarkan berkomunikasi secara lisan atau bertulis dengan mana-mana penonton atau ahli pasukan dari pasukan lawan.

12.5 Penonton

Semua pertandingan dibuat secara terbuka. Setiap pasukan diminta untuk menghadkan jumlah penyokong atau penonton di dalam bilik mahkamah ketika pertandingan berlangsung. Keutamaan diberikan kepada jurulatih, penasihat atau penyokong pasukan yang bertanding di dalam pusingan tersebut.

12.6 Audio dan merekod video

12.6.1 Sebarang audio atau rakaman video tidak dibenarkan melainkan dengan kebenaran terdahulu daripada Jawatankuasa Penganjur. Kebenaran yang diberikan adalah terhadap kepada hanya satu alat perakam bagi setiap kumpulan.

12.6.2 Jawatankuasa Penganjur mempunyai hak untuk membuat sebarang rakaman audio atau video atau apa-apa bentuk reproduksi audio atau video sepanjang pertandingan

berlangsung.

- 12.6.3 Semua pasukan yang menyertai pertandingan ini dianggap telah memberi kebenaran untuk pusingan tersebut direkodkan.

12.7 Kerahsiaan nama pasukan di dalam bilik mahkamah

Ahli pasukan, jurulatih, penasihat dan pemerhati tidak boleh mendedahkan identiti institusi yang mereka wakili semasa pertandingan berlangsung di dalam bilik mahkamah. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh dikenakan penalti ke atas pasukan tersebut seperti yang terkandung di bawah Peraturan 14.3.

12.8 Penggunaan komputer dan alat elektronik di dalam bilik mahkamah

Semasa sesi penghujahan sedang berlangsung, peserta yang sedang berhujah dan ahli pasukan yang sedang bertanding tidak dibenarkan menggunakan sebarang alat komputer, komputer riba atau alat-alat elektronik dan komunikasi yang lain. Penalti boleh dikenakan ke atas pasukan kerana ketidakpatuhan seperti yang terkandung di bawah Peraturan 14.3.

13. Struktur pertandingan dan pemarkahan

13.1 Struktur pertandingan

- 13.1.1 Sesi cabutan nombor pasukan akan dilakukan pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur sebelum hari pertandingan.
- 13.1.2 Jadual perlawanan pusingan awal akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur dan akan diedarkan kepada semua pasukan bertanding semasa hari cabutan nombor pasukan.
- 13.1.3 Setiap pasukan akan berhujah di dalam dua (2) pusingan awal;
- i. Satu (1) pusingan sebagai Perayu; dan
 - ii. Satu (1) pusingan sebagai Responden.
- 13.1.4 Empat (4) pasukan teratas akan mara ke pusingan separuh akhir.
- 13.1.5 Perlawanan peringkat separuh akhir dan akhir adalah perlawanan menang mara.
- 13.1.6 Teknik lambungan syiling akan diguna pakai bagi menentukan pihak yang akan diwakili oleh pasukan (Perayu atau Responden) dalam pusingan menang mara.

13.2 Asas pemarkahan

Setiap pasukan akan diadili berdasarkan kualiti persembahan keseluruhan dan tidak hanya berdasarkan kepada hujah kes yang diberi.

13.3 Pemarkahan di dalam pertandingan

Pemarkahan adalah berdasarkan hujahan lisan semasa pertandingan berlangsung. Panel hakim akan mengadili di setiap pusingan pertandingan dan :

- (1) Memberikan markah mengikut julat 50 hingga 100 kepada setiap penghujah. Setiap penghujah akan diadili berdasarkan kepada kualiti persembahan keseluruhan yang merangkumi dan tidak terhad kepada:
 - a) Penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu;
 - b) Kebijaksanaan dan kebolehan menjawab soalan;
 - c) Kebolehan dalam mengenal pasti isu undang-undang dan pemakaian undang-undang ke atas fakta;
 - d) Kemahiran dan kebolehan dalam mempersembahkan kes; dan
 - e) Etika berhujah di dalam mahkamah; serta

- (2) Memberikan markah mengikut julat 25 hingga 50 untuk hujahan balas dan penggulungan setiap pasukan.

13.4 Penolakan penalti

Sebarang penolakan penalti yang dikenakan kepada mana-mana pasukan akan ditolak berdasarkan Peraturan 14.

13.5 Penentuan pemenang dan kedudukan setiap pasukan

13.5.1 Penentuan pemenang pusingan

Di dalam setiap pusingan, pasukan yang mengumpul jumlah keseluruhan markah penghujah serta markah hujahan balas dan penggulungan tertinggi dari panel hakim akan diumumkan sebagai pemenang bagi pusingan tersebut.

13.5.2 Kedudukan pasukan setelah tamat pusingan awal.

- (a) Kedudukan pasukan akan ditentukan mengikut bilangan kemenangan pada dua (2) pusingan awal. Sekiranya terdapat pasukan yang mempunyai bilangan kemenangan

yang sama, kedudukan akan ditentukan mengikut jumlah markah keseluruhan pasukan. Sekiranya markah keseluruhan pasukan adalah sama, kedudukan akan ditentukan mengikut jumlah markah pasukan bagi aspek kemahiran dan penguasaan bahasa Melayu.

(b) Empat (4) pasukan teratas akan mara ke perlawanan menang mara.

13.5.3 Anugerah Penghujah Terbaik (peringkat akhir)

Peserta yang mendapat jumlah markah individu tertinggi pada pusingan akhir akan menerima Anugerah Penghujah Terbaik. Sekiranya terdapat beberapa individu yang mempunyai jumlah markah yang sama, kedudukan akan ditentukan mengikut jumlah markah aspek kemahiran dan penguasaan bahasa Melayu.

13.5.4 Pemenang perlawanan menang mara

Pemenang dalam perlawanan menang mara akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan markah penghujah serta markah hujahan balas dan penggulungan tertinggi yang diberikan oleh panel hakim di dalam perlawanan separuh akhir / akhir tersebut.

13.6 Rangka Hujahan

13.6.1 Setiap pasukan **wajib** menyediakan rangka hujahan sebagai panduan kepada panel hakim dan hendaklah diserahkan kepada pegawai mahkamah sebelum permulaan sesi penghujahan. Walau bagaimanapun, tiada markah yang akan diberi untuk Rangka Hujahan ini.

13.6.2 Rangka Hujahan mestilah **tidak melebihi** 2 muka surat, dengan mengguna pakai *font* Arial dan bersaiz 12. Setiap pasukan hendaklah menyediakan **tiga (3) salinan** Rangka Hujahan tersebut (untuk setiap pusingan). [Rujuk Jadual B untuk contoh format Rangka Hujahan]

13.7 Ikatan Otoriti

Ikatan Otoriti adalah tidak dibenarkan di dalam pertandingan ini.

13.8 Rekod keputusan

Setelah pertandingan selesai dijalankan, setiap pasukan yang menyertai pertandingan ini boleh memohon daripada Jawatankuasa Penganjur untuk mendapatkan:

- (a) Sesalinan senarai kedudukan pasukan berserta keseluruhan rekod kemenangan/kekalahan, markah keseluruhan untuk pusingan awal; dan
- (b) Sesalinan senarai kedudukan setiap peserta di pusingan awal.

14. Penalti

14.1 Kuasa Jawatankuasa Penganjur

- 14.1.1 Aduan berkaitan pelanggaran peraturan semasa pertandingan dijalankan akan didengar oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 14.1.2 Penalti boleh dikenakan berdasarkan kepada pertimbangan Jawatankuasa Penganjur, dan jika perlu, selepas berunding dengan hakim-hakim, pegawai mahkamah, wakil pasukan-pasukan yang bertanding dan penonton yang terlibat.
- 14.1.3 Sebarang penolakan penalti dari markah peserta hanya boleh dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penganjur. Mana-mana hakim tidak dibenarkan untuk menolak penalti daripada markah yang diberikan dan hendaklah menilai Hujahan Lisan seolah-olah tiada pelanggaran peraturan yang dilakukan.
- 14.1.4 Keputusan Jawatankuasa Penganjur berkaitan aduan pelanggaran peraturan adalah muktamad. Sebarang rayuan selepas keputusan dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan.

14.2 Prosedur untuk membuat aduan

- 14.2.1 Jika mana-mana pasukan percaya terdapat pelanggaran peraturan semasa pusingan dijalankan, pasukan tersebut boleh membuat aduan kepada pegawai mahkamah yang bertugas secara bertulis sejurus selepas penghujah terakhir menyampaikan hujahan lisan dan hendaklah diserahkan sebelum panel hakim memberi komen dan maklumbalas. Makluman bertulis tersebut hendaklah menerangkan secara jelas jenis pelanggaran dan pihak-pihak yang terlibat. Pasukan yang membuat aduan dilarang memaklumkan kepada hakim mengenai pelanggaran peraturan tersebut. Jika tiada pegawai mahkamah, pasukan tersebut hendaklah memaklumkan aduan tersebut kepada Jawatankuasa Penganjur. Kegagalan pasukan terbabit untuk mengikut prosedur di bawah Peraturan ini akan menyebabkan aduan tersebut ditolak.
- 14.2.2 Jika seorang atau lebih daripada seorang hakim percaya terdapat pelanggaran peraturan semasa pusingan dijalankan, hakim tersebut hendaklah memaklumkan kepada pegawai mahkamah secara bertulis dalam masa lima minit sebelum pusingan tersebut berakhir. Sebaik-baiknya perkara tersebut hendaklah dimaklumkan kepada

pegawai mahkamah tanpa pengetahuan hakim yang lain.

14.3 Perkara-perkara yang menyebabkan penalti

Penalti-penalti untuk mana-mana pelanggaran peraturan pertandingan adalah seperti di dalam jadual di bawah. Jawatankuasa Penganjur akan menolak penalti daripada markah keseluruhan yang diberikan oleh panel hakim seperti berikut:

Peraturan	Rumusan	Penalti
6	Menerima bantuan luar dalam persediaan atau penghujahan kes-kes selain daripada pertolongan umum berkenaan isu-isu yang terlibat dan sumber-sumber kajian.	Penyingkiran; atau maksimum 50 markah (bagi setiap pusingan)
11, 12.7	Perlanggaran peraturan kerahsiaan.	Maksimum 25 markah
12.3	Lewat hadir ke sesi penghujahan.	Maksimum 20 markah
12.4	Komunikasi bertulis kepada mana-mana hakim semasa sesi penghujahan.	Maksimum 25 markah
12.8	Penggunaan sebarang alat komputer, komputer riba atau alat-alat elektronik dan komunikasi yang lain ketika sesi penghujahan.	Maksimum 25 markah

14.4 Pertimbangan untuk penalti

Sebagai tambahan kepada penalti-penalti yang disenaraikan dalam Peraturan 14.3, Jawatankuasa Penganjur boleh mempertimbangkan untuk mengenakan sehingga 10 penalti untuk lain-lain pelanggaran terhadap peraturan-peraturan pertandingan. Jumlah penalti yang ditolak haruslah bersesuaian dengan tahap pelanggaran yang dilakukan menurut budi bicara Jawatankuasa Penganjur. Jawatankuasa Penganjur boleh mengenakan penalti bagi pelanggaran-perlanggaran lain seperti di bawah:

- (a) Mengemukakan terlalu banyak aduan yang remeh terhadap pasukan-pasukan lain;
- (b) Terlibat dengan tingkah laku yang tidak sesuai di meja kaunsel ketika pertandingan berlangsung; dan/atau
- (c) Mengabaikan dengan jelas prosedur-prosedur atau peraturan-peraturan yang telah digariskan.

14.5 Notis dan rayuan

Jawatankuasa Penganjur, menerusi Jawatankuasa Format dan Struktur Pertandingan akan menetapkan had masa yang sesuai bagi pasukan yang dikenakan penalti untuk membuat rayuan. Jawatankuasa Penganjur akan mendengar rayuan yang dikemukakan dan akan membuat keputusan terhadap rayuan tersebut. Keputusan Jawatankuasa Penganjur dalam perkara tersebut adalah muktamad. Jawatankuasa Penganjur akan memaklumkan kepada pasukan-pasukan yang terlibat tentang penalti yang dikenakan secepat yang mungkin, setelah keputusan tersebut diputuskan.

14.6 Peraturan *de minimis*

Jawatankuasa Penganjur boleh mengenyakan atau mengurangkan penalti untuk pelanggaran peraturan *de minimis*.

14.7 Kuasa untuk bertindak

Jawatankuasa Penganjur boleh mengambil tindakan atau langkah-langkah bagi memastikan pertandingan berjalan dengan lancar atau memperbaiki kekurangan di dalam pertandingan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan bagi mengubah peraturan sekiranya perlu pada bila-bila masa sepanjang pertandingan dengan syarat perubahan yang dibuat haruslah tidak menjejaskan objektif dan kepentingan keseluruhan pertandingan ini.

15. Tafsiran peraturan

Keputusan Jawatankuasa Penganjur dalam menafsir peraturan-peraturan ini adalah muktamad.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

JADUAL A

No.	Perkara	Tarikh
1.	Pendaftaran Pasukan	15 November 2024
2.	Tarikh tutup penyertaan	29 November 2024
3.	Siaran soalan pertandingan	3 Disember 2024
4.	Tarikh tutup bagi permohonan klarifikasi kepada Penganjur	17 Disember 2024
5.	Tarikh pengundian kumpulan	23 Disember 2024
6.	Siaran jawapan klarifikasi daripada penganjur	24 Disember 2024
7.	Pertandingan peringkat saringan	11 Januari 2025
8.	Pertandingan peringkat separuh akhir	11 Januari 2024
9.	Pertandingan peringkat akhir	12 Januari 2025

JADUAL B

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA

ANTARA

ABCDE

... PERAYU

DAN

1. FGHI

2. JKLMNO

...RESPONDEN - RESPONDEN

RANGKA HUJAHAN

1. **ISU** : Adakah tempat berlakunya kejadian pencabulan oleh XYZ ke atas Perayu merupakan elemen yang menentukan tanggungan vikarius Responden Pertama dan Responden Kedua?

1.1 Prinsip undang-undang: Tempat berlakunya pencabulan bukan elemen penentuan tanggungan vikarius. Perlu ada hubung kait yang lebih nyata antara perlakuan tort seseorang pekerja dan situasi pekerjaan; bukan sekadar peluang melakukan perlakuan tort tersebut melalui akses ke premis yang dibenarkan ketika bekerja.

1.2 Otoriti : *Maslinda Ishak v Mohd Tahir Osman & Ors* [2009] 6 CLJ 653 *Samin Bin Hassan v Government of Malaysia* [1976] 2 MLJ 211 *Roshairree Abd. Wahab v Mejar Mustafa Omar & Ors* [1996] 3 MLJ337

1.3 Kesimpulan: Walaupun pencabulan ke atas Perayu berlaku di balai Responden Pertama, namun ia bukan secara automatiknya menjadikan Responden Pertama dan kedua bertanggung secara vikarius.

2. **ISU 2**: Adakah perlakuan pencabulan oleh XYZ ke atas Perayu adalah sesuatu yang di dalam bidang tugas XYZ sebagai pegawai penyiasat?

2.1 Prinsip undang-undang: Majikan hanya mempunyai tanggungan secara vikarius sekiranya perlakuan tort telah dilakukan ketika sedang melakukan apa-apa pekerjaan yang mempunyai kaitan secara langsung atau bersampingan dengan tugas utamanya.

2.2 Otoriti: Seksyen 90 Akta Polis 1967

Keppel Bus Company Ltd v Sa'ad bin Ahmad [1974] 1 MLJ 191

Zulkipli bin Taib & Anor v Prabakar a/l Bala Krishna & Ors and other appeal
[2015] 2 MLJ 607

2.3 Kesimpulan: Pencabulan oleh XYZ ke atas Perayu adalah sesuatu yang di luar dalam bidang tugas XYZ sebagai pegawai penyiasat. Sebaliknya ia adalah perlakuan persendirian.